

## **SESI PENGAMBILAN SIJIL PENDAFTARAN SEMENTARA UNTUK PEGAWAI PERUBATAN SISWAZAH UD41 (KONTRAK) BILANGAN 1/2019:**

Senarai nama seramai **1255** Pegawai Perubatan Siswazah UD41 (Kontrak) telah diberi oleh Bahagian Sumber Manusia KKM bagi Sesi Pengambilan Sijil Pendaftaran Sementara Bil **1/2019**. Sesi pengambilan sijil ini akan diadakan pada **12 Februari 2019 (Selasa), 13 Februari 2019 (Rabu) & 14 Februari 2019 (Khamis)** dari pukul **8.30 pagi - 4.30 petang**. **Tiada perubahan sesi pengambilan akan dilayan dan sila hadir sepertimana yang tertera dalam senarai nama**. Sekiranya tidak dapat hadir pada tarikh yang ditetapkan, anda hanya boleh mengambil sijil **selepas Program Transformasi Minda (PTM) sahaja**. Sila bawa **Surat Tawaran** dari SPA yang telah **disahkan benar (setiap halaman bercetak)** bagi tujuan pengambilan sijil pendaftaran sementara. Kepada sesiapa yang belum hantar **salinan ijazah perubatan & transkrip akademik**, sila kemukakan semasa hari pengambilan sijil pendaftaran sementara. Sila pastikan salinan ijazah perubatan & transkrip akademik **disahkan benar (setiap halaman bercetak)**.

Sekiranya anda ingin **mewakulkan seseorang** untuk mengambil sijil untuk anda, diharap wakil dapat membawa salinan kad pengenalan (**salinan sah benar**) wakil dan surat kuasa dari anda semasa sesi pengambilan yang ditetapkan (1 wakil - 1 sijil sahaja). **Jika tandatangan pada surat kuasa adalah berbeza dari tandatangan di borang permohonan anda, sijil tidak akan diberi**. Untuk makluman semua, senarai nama diberi oleh Bahagian Sumber Manusia, KKM dan pihak MPM tiada sebarang punca kuasa untuk membuat apa-apa perubahan kepada senarai tersebut.

Sila datang ke pejabat MPM mengikut senarai nama seperti dalam pautan berikut:

**12 Februari 2019 :** [http://mmc.gov.my/Batch1\\_120219.pdf](http://mmc.gov.my/Batch1_120219.pdf)

**13 Februari 2019 :** [http://mmc.gov.my/Batch2\\_130219.pdf](http://mmc.gov.my/Batch2_130219.pdf)

**14 Februari 2019 :** [http://mmc.gov.my/Batch3\\_140219.pdf](http://mmc.gov.my/Batch3_140219.pdf)